



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

#### **PENGAWAS DEWAN SUKAN (C.1 EB.2) KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

#### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGAWAS DEWAN SUKAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 EB KHAS \$1,990 - \$2,230 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Kejururteraan Awam / Ukur Bahan / Pembinaan / Bangunan / Arkitek atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkebolehan menggunakan komputer dan juga menggunakan perisian "*Computer Aided Drawing / Drafting*" adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu dalam hal ehwal pengurusan fasiliti-fasiliti Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha termasuk fasiliti-fasiliti di luar kawasan hospital iaitu Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Jabatan Psikiatri dan Pusat Amal Cerah Sejahtera bagi memastikan semua fasiliti adalah dalam keadaan yang baik, bersih dan rapi;



2. Memantau prestasi kontraktor-kontraktor dalam melaksanakan kontrak-kontrak berhubung dengan menjaga fasiliti-fasiliti Hospital seperti pembersihan, pembuangan sisa-sisa domestik dan *ground maintenance* serta memastikan kontraktor-kontraktor berkenaan memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan mematuhi kehendak yang dipersyaratkan dalam kontrak;
3. Membantu dalam membuat pemeriksaan berkala ke atas kontraktor-kontraktor yang berkenaan;
4. Menyediakan laporan-laporan hasil pemeriksaan berkala dan laporan-laporan bulanan; dan
5. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Bahagian ataupun pegawai atasan dari semasa ke semasa.